

CNS2595

U GB 24-04 00184 BA115

Aab

Mahathir - Jepun

(Embargo: Untuk Siaran Selepas 10 malam ini)

---

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Hubungan erat antara Malaysia dan Jepun kini bukan setakat peringkat politik dan ekonomi sahaja malah sudah berkembang meliputi amalan kebudayaan masyarakat kedua-dua negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata hasil daripada kerjasama di bidang ekonomi dan politik, masyarakat Malaysia dan Jepun berpeluang bertukar-tukar pendapat dan mengenal dari dekat adat resam serta kebudayaan satu sama lain.

+Ia adalah hasil daripada interaksi dan pergaulan keluarga Jepun yang bermastautin di negara ini dan pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di Jepun+, katanya semasa merasmikan pesta kebudayaan +Jepun Dari Dekat+ di sini anjuran Kumpulan Mitsui.

+Jepun Dari Dekat+ merupakan satu pesta kebudayaan Jepun yang diadakan setiap tahun di bandaraya terkenal di Amerika Syarikat dan Britain sejak 1983. Inilah kali kedua pesta itu diadakan di benua Asia.

Beliau berkata sejak kerajaan melancarkan +Dasar Pandang Ke Timur+, kebudayaan Jepun termasuk nilai hidup masyarakatnya menjadi tidak asing lagi di negara ini. -- Lagi.

♥24/04/18-51MST

CNS2596

U GB 24-04 00155 BA116

Aab

Mahathir - Jepun 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Perdana Menteri berkata pelajar Malaysia yang kembali ke tanahair bukan sahaja boleh bertutur dalam bahasa Jepun tetapi juga bekerja dengan syarikat Jepun yang bertapak di negara ini.

Kehadiran sebilangan besar masyarakat Jepun yang bekerja di negara ini untuk menguruskan kilang, memberi peluang kepada pekerja Malaysia mempelajari cara pengurusan dan teknologi tinggi negara Jepun, tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir memuji Jepun sebagai sebuah negara maju yang tidak membelakangkan kebudayaan yang wujud sejak beribu tahun sehinggakan masyarakat antarabangsa berminat untuk mengenali kebudayaan negara itu.

Katanya, sebagai jiran yang tidak jauh, Malaysia dan Jepun sering bertukar-tukar kumpulan kebudayaan untuk memperkenalkan budaya masing-masing.

Beliau berkata pesta kebudayaan +Jepun Dari Dekat+ itu akan mendekatkan lagi kebudayaan Jepun kepada masyarakat Malaysia dan menyumbang ke arah meningkatkan persefahaman antara rakyat kedua-dua negara serta merapatkan hubungan baik yang sedia ada. -- Bernama.

♥24/04/18-52MST